

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN
[KALABAKAN]**

SOALAN

TUAN MA'MUN BIN SULAIMAN [KALABAKAN] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang tuntas dan segera untuk menambah bilangan peneroka di tanah-tanah Ladang Felda di Sabah daripada jumlah 1,647 peneroka sekarang kepada tambahan 2,000 lagi peneroka baru dalam usaha Kerajaan mengatasi masalah kemiskinan di Sabah. Pertanian adalah perniagaan yang menguntungkan. Dengan usaha menambah peserta menjadi peneroka dalam Skim Felda pasti warga yang kurang beruntung mendapat peluang yang baik untuk melonjakkan pendapatan keluarga.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATO' SRI MUSTAPA BIN MOHAMED
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (EKONOMI)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. FELDA tidak mempunyai perancangan dalam tempoh terdekat untuk menambah bilangan peneroka FELDA di Sabah berikutan kos persediaan yang tinggi.
2. Anggaran kos persediaan bagi tambahan 2,000 peneroka di Sabah adalah sebanyak RM350 juta. Kos tersebut melibatkan kerja-kerja awalan termasuk penilaian tanah dan kajian sosial, penyediaan pelan pembangunan untuk keperluan pihak berkuasa tempatan, pelantikan juruperunding, pembinaan rumah peneroka, pembinaan infrastruktur dan bayaran pampasan kepada FGV Holdings Berhad bagi pengambilan semula tanah ladang yang sedang dipajak untuk penempatan kediaman peneroka baharu termasuk tanah ladang peneroka terbabit.

Sekian, terima kasih.

Maklumat Tambahan

1. Lembaga Pengarah FELDA bil. 365 pada 25 Julai 2017 telah bersetuju dengan cadangan tambahan peneroka baharu di Sabah. Mesyuarat yang dipengerusikan YAB Perdana Menteri bersama pengurusan FELDA dan Unit Kawal Selia FELDA bil. 4/2017 pada 30 Oktober 2017 juga telah bersetuju bagi pengambilan 2,000 peneroka tambahan baharu di Sabah dan FELDA mendahuluikan kos pembangunan dengan anggaran sebanyak RM350 juta.
2. Mesyuarat Jawatankuasa Kerja FELDA bagi Kemasukan 2,000 Peneroka Baharu dan Pembangunan Infrastruktur di Negeri Sabah Bil. 1/2020 yang dipengerusikan oleh Pengarah Besar FELDA pada 16 Mac 2020 telah membincangkan tindakan susulan yang perlu diambil seperti berikut:
 - (i) Kerja-kerja awalan seperti penilaian tanah, kajian kemungkinan, kajian pasaran, kajian sosial dan perbelanjaan pembangunan untuk kos-kos yang melibatkan harga rumah, pembinaan rumah dan pembinaan kemudahan infrastruktur;
 - (ii) Lantikan perunding bagi penyediaan Pelan Pembangunan (*Development Plan*) keseluruhan tanah FELDA di Sabah serta perunding lain seperti arkitek, jurutera, juru ukur bahan, perancang bandar dan sebagainya;
 - (iii) Pembinaan rumah peneroka termasuk infrastruktur berkaitan serta penyediaan ladang termasuk sistem saliran, benih, peralatan dan input sokongan; dan
 - (iv) Penentukan kos-kos selain pembinaan termasuk fi dan deposit oleh pihak berkuasa, syarikat utiliti dan lain-lain.

3. Susulan kedudukan kewangan FELDA yang tidak mengizinkan, perancangan pengambilan tambahan 2,000 peneroka baharu di Sabah telah ditangguhkan.

Disediakan Oleh : Muhamad Aziyan Hussim
Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-2464028

Disemak Oleh : Zaeidah Mohamed Esa
Pengarah
Bahagian Pertanian
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 019-911 2360

Diluluskan Oleh : Datuk Yatimah Sarjiman
Timbalan Ketua Pengarah (Sektoral)
Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri
Telefon : 013-346 6939